



26 APRIL 2022

Sidang Media Larangan
Penggunaan Kenderaan
Mikromobiliti Di Atas Jalan



22 APRIL 2022

Majlis Khatam Al-Quran
Peringkat MOT



13 JANUARI 2022

Lawatan Kerja ke Tapak
Pembinaan Terowong
Genting Projek ECRL

Pertandingan Boling
Piala Ketua Setiausaha MOT

6 MAC 2022



19 MEI 2022

Kunjungan Hormat Presiden
ICAO Ke Atas YB Menteri
Pengangkutan



20 APRIL 2022

Majlis Menandatangani MOA
Antara JLM dan Universiti
Malaysia Terengganu (UMT)



28 FEBRUARI 2022

Lawatan Kerja
YBhg. Datuk KSU
ke Padang Terbang Bario

Pelancaran Polisi Hijau
Pelabuhan Kuantan
2021-2030

16 JANUARI 2022






Majlis Sidang Media Projek MRT 3 Laluan Lingkaran

15 MAC 2022 - Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong telah mempengerusikan majlis Sidang Media Projek MRT 3 Laluan Lingkaran yang turut disertai oleh YBhg. Datuk Mohd Zarif Hashim, Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Encik Mohd Zain Md Taha, Ketua Pegawai Operasi KTMB, YBhg. Datuk Seri Darwis Abdul Razak, Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link dan Encik Mohd Azharuddin Mat Sah, Presiden serta Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad.

Pada 4 Mac 2022 yang lalu, pihak Kerajaan telah mengumumkan bahawa Projek MRT 3 Laluan Lingkaran diberi kelulusan untuk diteruskan. Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah diberi mandat oleh Kerajaan untuk melaksanakan projek ini sebagai pemaju projek dan pemilik asset.



MRT3 ini akan melibatkan pembinaan jajaran keretapi 51km yang melingkari pinggiran bandaraya Kuala Lumpur. Ia terdiri daripada jajaran bertingkat sepanjang 40km dan jajaran bawah tanah sepanjang lebih kurang 11km.

MRT 3 Laluan Lingkaran merupakan laluan yang amat penting untuk melengkapkan Rangkaian Transit Bersepadu Lembah Klang. Ia akan meningkatkan kesalinghubungan ataupun *connectivity* melalui sepuluh (10) stesen pertukaran dengan lapan laluan rel transit yang sedia ada. Fasa pertama Projek MRT 3 dijangka dibuka pada tahun 2028 dan seluruh laluan akan dibuka pada tahun 2030.





Sidang Media Fasa Kedua Perkongsian Penggerak Utama (*Prime Mover*) Untuk Menarik Semi-Treler Dalam Kumpulan Syarikat Berkuatkuasa Pada 5 Mei 2022

21 APRIL 2022 - Satu sesi sidang media telah diadakan oleh YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia bertempat di Aras 10, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) berkenaan dengan Fasa Kedua Perkongsian Penggerak Utama (*Prime Mover*) Untuk Menarik Semi-Treler Dalam Kumpulan Syarikat Berkuatkuasa pada 5 Mei 2022.

Pelaksanaan polisi baharu ini memperincikan kebenaran perkongsian *prime mover* dan semi-treler diperluaskan juga kepada jenis luton/kotak dan kargo am. Polisi baharu yang dilaksanakan oleh MOT adalah berdasarkan semakan yang dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan peraturan sedia ada selari dengan perkembangan bersama dan menyumbang kepada peningkatan kecekapannya. Semakan ini dilaksanakan melalui Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (NLTF) dan selaras dengan peruntukan Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan.



Turut hadir dalam sesi ini ialah YBhg. Dato' Normah Osman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), YBrs. Encik Wan Mohd Asraf Wan Salleh, Setiausaha Bahagian Pengangkutan Darat MOT, YBrs. Dr. Rosbi Abd. Rahman, Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa MOT serta YBhg. Datuk Azlan Shah bin Al Bakri, Ketua Pengarah, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD). Untuk maklumat lanjut berkenaan syarat-syarat pelaksanaan polisi baharu ini, layari <https://bit.ly/3MpYiUp>





Sidang Media Berkenaan Dengan Larangan Penggunaan Kenderaan Mikromobiliti Tertentu Di Atas Jalan

26 APRIL 2022 - YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia telah mengadakan satu sidang media berkenaan dengan "Larangan Penggunaan Kenderaan Mikromobiliti Tertentu Di Atas Jalan" yang turut dihadiri oleh YBrs. Profesor Dr. Wong Shaw Voon, Pengerusi Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan YBhg. Dato' Khairil Anwar bin Abu Kassim, Ketua Pengarah MIROS.

Penggunaan kenderaan mikromobiliti di atas jalan adalah membahayakan bukan sahaja kepada pengguna kenderaan tersebut, malahan kepada pengguna jalan raya yang lain. Dalam hubungan ini, MOT ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa penggunaan kenderaan mikromobiliti tertentu adalah dilarang di atas jalan menerusi pewartaan Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan (Larangan Penggunaan Kenderaan Mikromobiliti Tertentu) 2021 ("Kaedah") yang telah berkuatkuasa mulai 17 Disember 2021. Jenis-jenis kenderaan mikromobiliti tertentu yang dilarang penggunaannya di atas jalan adalah daripada perihalan berikut iaitu:

(i) Moped;

(ii) Personal Mobiliti Devices termasuk skooter berkuasa elektrik, kuasa enjin pembakaran dalaman ataupun kuasa manusia; dan

(iii) Personal Mobiliti Aids (PMA)

Demi menjamin keselamatan dan kesejahteraan orang ramai sebagai pengguna jalan raya, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bersama-sama Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan mula menguatkuasakan perintah larangan ini. Mana-mana orang yang didapati menggunakan kenderaan mikromobiliti tertentu yang telah dilarang di atas jalan adalah melakukan kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah peruntukkan Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333].



11 Januari 2022

Majlis Amanat dan Perhimpunan Bulanan MOT



25 Januari 2022

Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Kepada Warga MOT



6 Mac 2022

Pertandingan Boling Piala Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)



8 Mac 2022

Mesyuarat Agung Permulaan Koperasi Kerjasama MOT Putrajaya Berhad



5 dan 11 April 2022

Program Sempena Bulan Ramadhan 1443H

Pengagihan Buah Kurma Dan Jus Limau Kasturi Untuk Warga MOT Serta Program Agihan Bubur Lambuk



11 dan 15 April 2022

Sesi Townhall Ketua Setiausaha Bersama Pegawai Pelbagai Skim Perkhidmatan MOT



22 April 2022
**Majlis Khatam Al-Quran
 Peringkat MOT**



7 Jun 2022
**Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-31
 Kelab Sukan dan Kebajikan
 Kementerian Pengangkutan (KSKKP)**





Lawatan Kerja ke Tapak Pembinaan Terowong Genting Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)

13 JANUARI 2022 - Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong telah mengadakan lawatan kerja ke Tapak Pembinaan Terowong Genting Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL). Lawatan kerja ini turut disertai oleh Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali dan Ketua Pegawai Eksekutif MRL, YBhg. Dato' Sri Darwis Abdul Razak.

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) telah menerima mesin pengorek terowong (TBM) pertama pada bulan Julai 2021. TBM ini direka khas untuk kegunaan dalam keadaan tanah batuan keras serta dilengkapi dengan 4 silinder tork. Setiap kepala TBM mempunyai berat 900 tan dengan panjang 25 meter dan diameter 8.98 meter. Manakala gantri sokongannya pula menempatkan bilik kawalan dan pencawang, mempunyai berat 1,600 tan dan berukuran 266 meter panjang, menjadikannya antara TBM yang terbesar untuk kerja mengorek terowong laluan rel di Malaysia.

Dengan kapasiti penggalian maksimum 700 meter sebulan, TBM akan menjalankan 3 tugas utama bawah tanah iaitu menggali terowong, mengangkut sisa galian ke permukaan dan memasang panel konkrit sebagai dinding terowong. TBM dijangka memakan masa selama 3 tahun untuk melengkapkan penembusan Terowong Genting.



Projek ECRL telah mencatat tahap kemajuan sebanyak 26.49 peratus setakat bulan Disember 2021, didorong oleh kerja-kerja pembinaan yang melibatkan jajaran Seksyen A dari Kota Bharu ke Dungun dan Seksyen B dari Dungun ke Mentakab. Kerja-kerja pembinaan ECRL termasuk kerja-kerja tanah, kerja-kerja terowong, kerja-kerja jambatan dan kerja-kerja pengukuhan *prefabricated vertical drains* atau PVD telah bertumpu di lebih 168 lokasi utama pada tahun 2021.



Lawatan Kerja Rasmi ke Pelabuhan Kemaman, Terengganu dan Pelancaran Polisi Hijau Pelabuhan Kuantan 2021-2030

15 & 16 JANUARI 2022 - Ketika lawatan kerja rasmi ke Pelabuhan Kemaman, Terengganu, Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong turut berkesempatan menaiki kapal keruk jenis *Trailer Suction Hopper Dredger* (TSHD) Inai Kenanga untuk melihat kerja-kerja pengorekan (*dredging*) yang diketuai oleh Kapten Sharani Fitri bersama *First Officer*, Sam Nur Arif.

Inai Kenanga yang dimiliki oleh Syarikat Inai Kiara Sdn Bhd. merupakan syarikat induk kepada syarikat milik bumiputera sepenuhnya iaitu Integrated Marine Works Sdn Bhd (IMW). Inai Kenanga dibina di Pulau Indah pada tahun 2013 dengan menggunakan kepakaran tempatan bersama Eropah, Jepun dan Korea ini telah menyiapkan 18 projek pengorekan setelah ditauliahkan pada tahun 2016.



Kapal ini mempunyai keupayaan untuk membawa kapasiti bahan sisa pengerukan sebanyak 33,300m³ dan merupakan kapal *Trailing Suction Hopper* terbesar di Asia dan ke-3 terbesar di dunia serta terancang dengan peralatan terkini. Syarikat IMW adalah syarikat milik bumiputera sepenuhnya yang mempunyai kepakaran untuk kerja-kerja berkaitan Kejuruteraan Marin dan mempunyai pengalaman selama lebih 20 tahun dalam kerja-kerja Pengerukan dan Penambakkan laut.



Kerajaan Malaysia telah memberikan kepercayaan kepada Syarikat IMW untuk menjayakan Konsesi selama 15 tahun bagi melaksanakan skop kerja-kerja Penambakkan dan Pengerukkan di semua Pelabuhan utama dalam negara dan juga semua projek-projek Pelabuhan yang melibatkan dana Kerajaan Persekutuan.

YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong berharap lebih ramai lagi anak-anak tempatan menceburi bidang ini pada masa akan datang kerana ia merupakan bidang yang luas dan mendapat permintaan tinggi termasuk di peringkat global.

Lawatan kerja pada hari kedua diteruskan dengan Pelancaran Polisi Hijau Pelabuhan Kuantan 2021-2030 bertempat di Ibu Pejabat Lembaga Pelabuhan Kuantan, Pahang.

Polisi Hijau Pelabuhan Kuantan menggariskan pelan jangka masa bersama dalam memastikan pembangunan Pelabuhan Kuantan seiring dengan komitmen Kerajaan dalam konteks kecekapan penggunaan tenaga, kemampunan ekosistem Pelabuhan serta memperhebatkan digitalisasi di Pelabuhan Kuantan selaras dengan Revolusi Industri Keempat (IR4.0).



YB Menteri telah dibawa melawat sekitar Pelabuhan Kuantan di mana ianya merupakan lawatan pertama ke Service Jetty, KP 1. YB Menteri diberikan penerangan mengenai pengoperasian di Pelabuhan Kuantan dan seterusnya ke Dermaga 1C, New Deep-Water Terminal di mana YB Menteri dibawa untuk meninjau bersama pembesaran Pelabuhan Kuantan.


YB Menteri Pengangkutan telah diberikan taklimat berkenaan pengoperasian, laporan keseluruhan pelan pembangunan serta membincangkan usaha-usaha yang boleh dilaksanakan untuk menambah baik pengoperasian Pelabuhan Kuantan. Taklimat telah disampaikan YBhg. Dato' Khairul Anuar bin Abdul Rahman, Pengurus Besar, LPKtn.

Turut hadir bersama ialah YB Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang merangkap ADUN Guai; YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan; YAM Tan Sri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, Pengerusi, LPKtn dan Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Setiausaha Bahagian Maritim, MOT.



Lawatan Ke Tapak Projek Rapid Transit System (RTS) Link di Wadi Hana dan Bukit Chagar

27 JANUARI 2022 - YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia telah membuat lawatan ke tapak Projek Rapid Transit System (RTS) Link di Wadi Hana dan Bukit Chagar serta diberikan taklimat berkaitan pembinaan, termasuk kerja-kerja ujian awal cerucuk yang telah dilaksanakan serta cadangan penambahbaikan sistem penyaluran trafik.



Dengan kapasiti besar sehingga 10,000 penumpang sejam setiap arah dan masa perjalanan kira-kira 5 minit antara kedua-dua stesen, Laluan RTS akan dapat menyediakan perjalanan mudah dan selesa antara Johor Bahru dan Singapura apabila ia memulakan perkhidmatan pada akhir tahun 2026.

Di samping itu, Stesen Bukit Chagar juga akan disambungkan dengan pelbagai lokasi di Johor Bahru melalui Iskandar Rapid Transit yang diterajui oleh Kerajaan Negeri Johor dan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar sebagai usaha untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Johor.



Lawatan Kerja YBhg. Datuk KSU ke Padang Terbang Bario

28 FEBRUARI 2022 - Program Lawatan Kerja YBhg. Datuk KSU ke Padang Terbang Bario telah dilaksanakan bertujuan untuk membincangkan dan meninjau secara fizikal keadaan Padang Terbang Bario terutama bagi menyelesaikan isu-isu keselamatan dan keperluan pembangunan bersama.

Delegasi MOT juga turut mengadakan sesi dialog bersama Ketua-Ketua Kampung di Bario bagi mendengar sendiri aduan dan cadangan dari penduduk tempatan berhubung perkhidmatan udara luar bandar yang disediakan di Bario kepada masyarakat setempat.



Selain itu, YBhg. Datuk KSU dan delegasi turut mengadakan lawatan kerja ke Padang Terbang Marudi bagi meninjau kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB). Hasil dari lawatan tersebut, Padang Terbang Marudi dilihat berada dalam keadaan yang baik dan akan terus diperbaiki dari semasa ke semasa demi kepentingan rakyat tempatan.

Turut hadir ialah wakil daripada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), MASwings Sdn. Bhd. dan Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) yang masing-masing diketuai oleh YBhg. Datuk Chester Yoo, Ketua Pegawai Eksekutif CAAM, YBrs. Kapten Nasaruddin bin A. Bakar, Ketua Pegawai Operasi MASwings dan Encik Abdul Rahim bin Yusof, Manager Planning, Development, Standard & Safety MAHB.

10 Januari 2022

Kunjungan Hormat Daripada Duta Besar Georgia ke Malaysia, TYT Nikoloz Apkhazava



19 Januari 2022

Kunjungan Hormat Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan Singapura, Mr. Loh Ngai Seng



4 April 2022

Kunjungan Hormat Daripada Delegasi Ministry of Land, Infrastructure and Transport (MOLIT) Republik Korea




26 April 2022

Kunjungan Hormat Duta Besar Jepun ke Malaysia, TYT Takahashi Katsuhiko Ke Atas YB Menteri Pengangkutan



11 Mei 2022

Kunjungan Hormat Ke Atas Menteri Pengangkutan dan Perkhidmatan Logistik Arab Saudi, H.E. Saleh bin Nasser Al-Jasser



19 Mei 2022

Kunjungan Hormat Presiden ICAO, TYT Salvatore Sciacchitano Ke Atas YB Menteri Pengangkutan





Majlis Menandatangani Memorandum of Agreement (MOA) Antara Jabatan Laut Malaysia (JLM) Dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

20 APRIL 2022 - Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian di antara Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah disaksikan oleh YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia.



Majlis berlangsung dengan upacara menandatangani MOA antara Ketua Pengarah Laut, YBhg. Dato' Hj. Baharin bin Dato' Abdul Hamid yang mewakili JLM dan Naib Canselor UMT, YBhg. Dato' Prof. Dr. Mazlan bin Abd. Ghaffar yang mewakili UMT. Acara ini turut disaksikan oleh YBhg. Datuk Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia dan YBhg. Dato' Normah Osman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pengangkutan Malaysia.



Perjanjian Program *Postgraduate Diploma in Maritime Studies* ini merupakan Inisiatif Program Kolaborasi Strategik JLM dan UMT ini adalah selaras dengan Pelan Strategik Jabatan Laut Malaysia dan Pelan Pembangunan Sumber Manusia Jabatan Laut Malaysia yang komited menyediakan sumber dan kemudahan latihan yang diperlukan secara berterusan dan konsisten untuk membangunkan tenaga kerja yang cekap, terlatih, berintegriti dan professional melalui pengurusan pembangunan sumber manusia yang sistematik dalam memberi perkhidmatan dan sebagai pemudahcara kepada pemegang taruh sektor perkapalan dan pelabuhan.

Majlis ini turut dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Bahagian Jabatan Laut Malaysia, pegawai-pegawai kanan daripada

Jabatan Laut Malaysia dan Universiti Malaysia Terengganu.





Majlis Menandatangani Perjanjian Konsesi Baharu Antara Kerajaan Malaysia Melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), Suruhanjaya / Lembaga Pelabuhan Dengan Integrated Marine Works Sdn. Bhd. (IMW)

30 MEI 2022 - YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia (MOT) telah menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Konsesi Baharu antara Kerajaan Malaysia, Suruhanjaya / Lembaga Pelabuhan dengan Integrated Marine Works Sdn. Bhd. (IMW) iaitu syarikat bumiputera pertama yang mempelopori industri pengerukan dan penambakan.

Dengan termeterainya perjanjian ini, IMW sekali lagi telah diberi amanat untuk melaksanakan kerja-kerja pengerukan dan penambakan di Pelabuhan Persekutuan bagi tempoh 15 tahun yang berkuat kuasa selepas termeterainya Perjanjian ini.

Perjanjian konsesi ini telah ditandatangani oleh YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pengangkutan Malaysia bersama-sama Pengurus Besar / wakil Suruhanjaya / Lembaga Pelabuhan, iaitu Lembaga Pelabuhan Kelang, Lembaga Pelabuhan Johor, Lembaga Pelabuhan Kuantan, Lembaga Pelabuhan Kemaman, Lembaga Pelabuhan Bintulu dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang termasuk YBrs. Kapten Quzaim Mohamad selaku Ketua Pegawai Eksekutif IMW. Majlis ini turut disaksikan oleh YBhg. Dato' Normah Osman, Timbalan Ketua Setiausaha Dasar (TKSUD) Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Sejak penubuhannya pada tahun 1993, IMW telah membuka peluang pekerjaan dalam industri Maritim dan juga telah melatih tenaga kerja untuk memberi khidmat dalam industri pengerukan dan kejuruteraan inovatif.





Majlis Menandatangani Perjanjian Tambahan Keenam (SA6) Kontrak Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan Dan Pentauliahahan (EPCC) Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)

2 JUN 2022 - Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), YBhg. Datuk Isham Ishak bersama dengan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Dato' Sri Darwis Abdul Razak dan Pengarah Urusan China Communications Construction (CCC-ECRL) Sdn Bhd, Encik Kong Qi serta Timbalan Pengarah Projek CCC-ECRL, Encik Deng Bo telah menandatangani Perjanjian Tambahan Keenam (SA6) Kontrak Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan dan Pentauliahahan (EPCC) projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di antara Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) dan China Communications Construction Company Ltd (CCCC).



Pemeteraian perjanjian ini telah disaksikan oleh Menteri Pengangkutan Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong dan Duta Besar China ke Malaysia, Tuan Yang Terutama (TYT) Ouyang Yujing.

Perjanjian SA6 ini dicapai hasil daripada siri rundingan antara dua pihak iaitu MRL dan CCCC sejak pertengahan bulan Julai 2021. Pemeteraian SA6 ini juga membuktikan keyakinan dalam kerjasama MRL dan CCCC untuk menyiapkan ECRL mengikut jadual yang ditetapkan dan memulakan operasi infrastruktur rel ini pada tahun 2027.

Pemeteraian perjanjian pada 2 Jun 2022 ni merangkumi aspek-aspek EPCC bagi pembinaan ECRL dari Kota Bharu, Kelantan hingga Pelabuhan Klang, Selangor, serta mengembalikan ECRL di Seksyen C ke jajaran asal yang melalui Mentakab-Bentong-Gombak-Serendah-Pelabuhan Klang. Pembinaan ECRL yang berdasarkan penjajaran semula ini akan melibatkan kos sebanyak RM50.27 bilion dan akan memasukkan 'Pintasan Serendah' untuk perkhidmatan KTMB ke dalam skop projek serta sambungan rel dari Pelabuhan Klang (Jalan Kastam) ke dermaga Northport dan Westports bagi memastikan pengangkutan kargo yang lancar. Jajaran asal ini juga dijangka akan meningkatkan kebolehmampuan ECRL dan seterusnya akan memberi lebih banyak manfaat kepada ekonomi, alam sekitar dan sosial di sepanjang rangkaian rel.

